

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**

**TARIKH : 9 OGOS 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan tindakan komprehensif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan risiko bencana geologi aliran puing yang begitu kerap berlaku dalam negara kita sejak kebelakangan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Corak kejadian bencana geologi aliran puing yang meningkat sejak kebelakangan ini, seiring dengan perubahan iklim, amat membimbangkan kerana ia berlaku dengan tiba-tiba dan pantas, serta kesan kemusnahannya yang besar terhadap infrastruktur, tempat tinggal dan kehilangan nyawa penduduk terutamanya di kawasan berdekatan lembangan sungai.

Sehubungan itu, Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) komited dalam usaha mengurangkan risiko bencana geologi aliran puing menerusi usaha-usaha seperti berikut:

- (i) Membangunkan **Sistem Amaran Awal** (*Early Warning System - EWS*) Bencana Geologi Aliran Puing secara bersasar dan berperingkat di kawasan yang telah dikenalpasti terdedah kepada ancaman bahaya dan risiko bencana geologi ini. EWS ini bertujuan memberi amaran berbentuk siren kepada penduduk kampung untuk keluar menyelamatkan diri dengan cara selamat sekiranya berlaku kejadian bencana geologi aliran puing. Bagi tujuan tersebut, JMG telah membangunkan **EWS Bencana Geologi Aliran Puing berasaskan komuniti** di Titi Hayun, Gunung Jerai, Kedah pada Februari 2022 yang lalu.
- (ii) Melaksanakan program pemerikasaan komuniti berkonsepkan **Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)** di kawasan komuniti rentan yang tinggal di kawasan bencana geologi ini. Melalui program ini, jaguh tempatan (*local champion*) yang terpilih daripada pemimpin masyarakat, belia dan kaum wanita akan diberikan pengetahuan dan latih-amal bagi membolehkan mereka berupaya bertindak sebagai responden awal melaksanakan tindakan awal sekiranya berlaku kejadian bencana geologi.

- (iii) Menjalankan **Projek Pemetaan Zon Bahaya dan Zon Kawalan di Kawasan Rentan Bencana Geologi Aliran Puing** bagi kesiapsiagaan komuniti yang telah bermula pada tahun 2023. Melalui projek ini, **data geospacial** dan **peta zon bahaya dan kawalan** bagi kawasan berisiko yang telah dikenalpasti akan dihasilkan supaya dapat dikongsikan kepada agensi teknikal dan penyelamat berkaitan dalam pengurusan bencana. Di samping itu, **modul kesiapsiagaan komuniti** dan **kerangka konsep mitigasi** terhadap bencana geologi aliran puing juga akan dibangunkan dan digunakan bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan komuniti dan mempercepatkan proses kerja mitigasi bagi mengurangkan impak bencana geologi aliran puing.

Semua inisiatif tersebut adalah bukti komitmen Kerajaan Malaysia terhadap agenda global dalam pengurangan risiko bencana melalui ***United Nations Office for Disaster Risk Reduction (UNDRR) Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030*** dan menjadi aspirasi nasional dalam konteks Keluarga Malaysia bagi mempertingkatkan kesiapsiagaan dan mengukuhkan daya tahan setempat.

Sekian, terima kasih.